



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

Salam Zikral Hijrah 1439H

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

KETUA EKSEKUTIF, MUFTI SINGAPURA, ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI & WARGA KERJA MUIS MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU 1439 HIJRAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Peredaran masa dan waktu adalah salah satu tanda kekuasaan Allah s.w.t. Segala puji dan kesyukuran bagi Allah s.w.t. kerana atas limpah kurniaNya dan rahmahNya negara kita Singapura, dan masyarakat Islam khususnya dapat menyambut ketibaan tahun baru 1439 Hijrah dalam keadaan aman dan sejahtera.

Sempena tahun baru Hijrah ini, marilah kita bulatkan tekad dan bersatu hati dalam terus menghidupkan konsep Membangunkan Masyarakat Berjiwa Rahmah. Marilah kita mengamalkan dan mengikut jejak warisan yang diperjuangkan oleh nabi junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa rahmah ke seluruh alam.

Sejarah silam Hijrah menunjukkan bahawa masyarakat Islam perlu bersikap sabar

dan sanggup berkorban demi menggapai kejayaan walaupun apa jua halangan yang melintang. Seperti contoh Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat yang terus bekerja keras walaupun terdapat banyak cabaran serta rintangan yang dihadapi. Sebagai masyarakat Islam, kita harus sedar bahawa kejayaan yang dihasratkan harus membawa kebaikan untuk semua di sekeliling kita.

Justeru itu, sempena tahun Hijrah 1439 ini, kami mendoakan semoga Allah s.w.t. menganugerahkan kita sifat rendah diri, berani dan berhemah untuk bersatu dan mengetepikan perbezaan sesama kita, dalam kita mengorak langkah ke arah visi Membangunkan Masyarakat Berjiwa Rahmah. Semoga kita diberikan keyakinan serta kepercayaan untuk memperolehi kejayaan dan keredhaan Allah s.w.t. di dunia dan di akhirat kelak, Amin.